

# MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2023

---

## BAHASA MELAYU KERTAS 3

### SET 2

---

#### UJIAN BERTUTUR NASKHAH CALON

1. Modul ini mengandungi **lapan** soalan.
2. Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan **satu** soalan sahaja kepada setiap calon.

#### AMARAN

1. Modul ini ialah modul tertutup.
2. Kandungan modul ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Modul ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik peperiksaan sebaik sahaja peperiksaan tamat.

---

Modul ini mengandungi 13 halaman bercetak

## Isi Kandungan Taksiran Individu

- Soalan 1:** Perpaduan - Perpaduan Asas Negara Cemerlang
- Soalan 2:** Kesihatan dan Kebersihan - Premis Makanan Bersih dan Berkualiti
- Soalan 3:** Keselamatan - Jenayah Siber
- Soalan 4:** Kebudayaan, Kesenian dan Estetika - Kuih Tradisional
- Soalan 5:** Sains, Teknologi dan Inovasi - Media Sosial
- Soalan 6:** Alam Sekitar dan Teknologi Hijau - Budaya Teknologi Hijau
- Soalan 7:** Pertanian, Penternakan dan Perikanan - Sektor Penternakan
- Soalan 8:** Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan - Usaha Memajukan Usahawan Wanita

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1**

[40 markah]

**TEMA: PERPADUAN**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**PERPADUAN ASAS NEGARA CEMERLANG**

Perpaduan lazimnya dikaitkan dengan kesepakatan pelbagai bangsa dan agama. Pernyataan ini sememangnya benar tetapi perpaduan membawa maksud yang lebih mendalam. Perpaduan membawa maksud hubungan erat dan sifat terbuka yang wujud kerana adanya perbezaan agama, bangsa, pendapat serta pendirian. Apabila difikirkan semula, perpaduan membantu rakyat untuk lebih mengenali tanah air dan bahasa mereka. Tanpa perpaduan, tidak mungkin sifat patriotik akan membara dalam jiwa setiap anak Malaysia. Selain itu, tanpa perpaduan, negara kita akan kacau-bilau. Hal ini akan meruntuhkan martabat kita sebagai rakyat Malaysia. Perpaduan kaum dan kepelbagaian agama merupakan antara keistimewaan yang menjadikan Malaysia unik berbanding dengan negara luar. Keistimewaan ini telah menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan negara sekali gus memajukan ekonomi.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Dewan Siswa*, bil. 03/2023

**SOALAN**

1. Apakah maksud perpaduan?
2. Nyatakan keistimewaan yang menjadikan Malaysia unik.
3. Jelaskan dua kepentingan bekerjasama dalam kalangan masyarakat.
4. Huraikan langkah-langkah memupuk perpaduan di kawasan kejiranan anda.

**TAMAT**

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2**

[40 markah]

**TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

*Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**PREMIS MAKANAN BERSIH DAN BERKUALITI**

Premis makanan ialah tempat yang berkaitan dengan penyediaan, pembungkusan atau penjualan apa-apa makanan kepada pengguna. Premis makanan ini biasanya dikendalikan oleh pengendali makanan yang bertanggungjawab terhadap penyediaan makanan. Seseorang individu yang bekerja tidak sempat menyediakan makanan sendiri hingga sebahagian besar mereka mengharapkan perkhidmatan penyediaan makanan yang berkualiti, bersih dan selamat. Dalam masa yang sama, pengendali makanan juga perlu bertanggungjawab memastikan tempat penyediaan makanan terjamin kebersihannya bagi melindungi pengguna daripada sebarang penyakit. Aspek yang perlu diperhatikan oleh pengguna dalam memilih premis makanan yang bersih dan berkualiti ialah tatacara pengendalian makanan. Pengendali makanan mesti mengenakan apron, penutup kepala, memakai pelitup muka dan memastikan jari serta tangan tidak mempunyai sebarang luka atau kecederaan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
<https://upm.edu.my/article/2023/02/01>

## SOALAN

1. Nyatakan maksud premis makanan.
2. Apakah perkara yang perlu diberi penekanan oleh pengendali makanan?
3. Jelaskan dua cara memilih makanan yang selamat.
4. Huraikan peranan ibu bapa untuk memupuk kesedaran anak-anak terhadap kebersihan makanan.

TAMAT

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 markah]

**TEMA: KESELAMATAN**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**JENAYAH SIBER**

Jenayah siber semakin berleluasa di negara kita. Jenayah siber terbahagi kepada beberapa jenis seperti pemindahan wang secara haram, penggodaman dan pancingan data. Pemindahan wang secara haram berlaku apabila wang dipindahkan oleh orang yang tidak mempunyai kebenaran ke dalam akaun milik perseorangan dan kepada pengguna sistem perbankan elektronik. Kebiasaannya, penggodaman dilakukan oleh individu atau kumpulan yang mempunyai kemahiran yang tinggi berkaitan pengaturcaraan komputer yang membolehkan mereka mencari kelemahan sesebuah perisian komputer. Pihak berkuasa perlulah sentiasa mengingatkan orang ramai supaya berjaga-jaga semasa melayari Internet terutama sekali ketika melakukan pembelian dalam talian. Orang ramai harus sentiasa berwaspada dan membuat laporan jika mereka menjadi mangsa penipuan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Utusan Malaysia* 22 Disember 2022

## SOALAN

1. Nyatakan jenis-jenis jenayah siber.
2. Siapakah yang biasanya melakukan aktiviti penggodaman komputer?
3. Jelaskan dua kepentingan teknologi maklumat.
4. Huraikan cara-cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah.

TAMAT



**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4**

[40 markah]

**TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA**

*Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**KUIH TRADISIONAL**

Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian budaya, cara hidup, adat dan agama. Makanan tradisi merupakan salah satu faktor kepelbagaian dan warna-warni budaya yang terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, masyarakat Melayu terkenal dengan kuih seperti kuih seri muka, karipap, lepat pisang, kuih baulu dan kuih koci. Manakala bagi masyarakat Cina, mereka terkenal dengan kuih bulan dan kuih bakul. Masyarakat India pula terkenal dengan makanan seperti vadai dan muruku. Kuih tradisional di Malaysia menjadi identiti dan keunikan yang tidak terdapat di negara lain. Antara keunikan kuih tradisional ialah menjadi sumber tarikan pelancong yang dapat menarik minat orang luar untuk mengunjungi negara yang penuh dengan kepelbagaian budaya.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Dewan Budaya* 10 Mei 2021

## SOALAN

1. Apakah contoh kuih tradisional masyarakat Melayu?
2. Nyatakan keunikan kuih tradisional.
3. Jelaskan dua sebab kuih tradisional kurang diminati oleh generasi muda.
4. Huraikan usaha-usaha untuk mempopularkan kuih tradisional.


TAMAT

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5**

[40 markah]

**TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**MEDIA SOSIAL**

Penggunaan media sosial kini dilihat menjadi satu keperluan dalam kalangan masyarakat. Malah, mereka yang tiada akaun media sosial pula dianggap ketinggalan dan tidak selari dengan perkembangan dunia semasa kerana semua maklumat dan perkembangan dunia boleh didapati daripada mana-mana aplikasi dalam media sosial. Kemunculan pelbagai jenis aplikasi media sosial telah menenggelamkan media tradisional di arus perdana dan kemudian memaksa masyarakat menyesuaikan diri dengan ciri-ciri yang ditawarkan di media sosial. Empat tonggak utama yang menerima tempas daripada gelombang media sosial yang semakin melebar kini ialah agama, politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, fungsi media sosial tidak boleh diketepikan pada era Revolusi Perindustrian 4.0 ini kerana segala-galanya hanya di hujung jari.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Dewan Masyarakat* 16 Februari 2022

## SOALAN

1. Mengapakah masyarakat dianggap ketinggalan jika tidak memiliki akaun media sosial?
2. Nyatakan empat tonggak utama yang menerima tempias gelombang media sosial.
3. Huraikan cara-cara anda memanfaatkan media sosial.
4. Jelaskan dua kesan kepada individu yang menyalahgunakan media sosial.

TAMAT

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6**

[40 markah]

**TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**BUDAYA TEKNOLOGI HIJAU**

Hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara bebas karbon menjelang 2050 membuktikan kesungguhan untuk memacu pertumbuhan negara ke arah kelestarian dan mesra alam sekitar. Isu perubahan iklim, kelestarian alam sekitar dan penggunaan teknologi hijau perlu ditekankan untuk mencapai matlamat ini. Aspirasi bersepadu ke arah teknologi hijau dan bebas karbon akan meningkatkan daya saing negara pada peringkat global. Teknologi hijau merupakan satu konsep yang merujuk kepada teknologi mesra alam, tidak mencemarkan, boleh diperbaharui dan mempunyai nilai kecekapan tinggi. Teknologi ini penting dalam bidang industri, pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan ekonomi mampan. Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan menggalakkan penggunaan meluas teknologi hijau, institusi pendidikan boleh memainkan peranan menyediakan generasi masa depan yang mempunyai pengetahuan teknologi hijau.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Berita Harian* 22 Januari 2022

## SOALAN

1. Nyatakan hasrat kerajaan Malaysia menjelang 2050.
2. Apakah maksud teknologi hijau?
3. Jelaskan dua kepentingan alam sekitar kepada manusia.
4. Huraikan langkah-langkah mengindahkan persekitaran sekolah anda.

TAMAT

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 7**

[40 markah]

**TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

*Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.*

**SEKTOR PENTERNAKAN**

Dasar Pertanian Negara yang dilaksanakan pada tahun 1984 telah memberi penekanan kepada pengembangan daya saing tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan koko. Banyak pembangunan prasarana dan pembukaan tanah-tanah baharu bagi memajukan kedua-dua tanaman komoditi ini. Kelapa sawit amat sesuai dengan penternakan ruminan seperti lembu, kambing dan biri-biri manakala perladangan getah untuk penternakan biri-biri. Meskipun industri ternakan ruminan khususnya lembu pedaging, kambing dan biri-biri pada masa ini masih berskala kecil, tetapi industri ini berpotensi untuk dikembangkan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara serta mengurangkan daging import. Antara cabaran yang dihadapi dalam pembangunan industri ini semestinya kekurangan kawasan pemeliharaan, harga makanan yang tinggi dan kekurangan tenaga kerja.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Kosmo* 10 November 2021

**SOALAN**

1. Apakah jenis penternakan ruminan yang sesuai dengan kelapa sawit dan getah?
2. Nyatakan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan industri ini.
3. Jelaskan dua ciri penternak yang berjaya.
4. Huraikan langkah-langkah menarik minat belia menceburi bidang penternakan.

**TAMAT**



**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 8**

[40 markah]

**TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**USAHA MEMAJUKAN USAHAWAN WANITA**

Program Kepimpinan dan Keusahawanan Wanita 2022 telah berupaya memperlihatkan sisi kental usahawan wanita dalam mendepani pelbagai cabaran. Penglibatan usahawan wanita dalam aktiviti keusahawanan banyak didorong oleh faktor motivasi yang tinggi untuk mengubah nasib diri dan keluarga. Komitmen yang dipamerkan oleh usahawan wanita dalam aktiviti keusahawanan sangat memberangsangkan kerana mereka telah mengambil segala peluang dalam arena ekonomi setempat berdasarkan keupayaan yang ada. Di samping itu, usahawan wanita turut menampilkan elemen kepimpinan yang strategik untuk merealisasikan cita-cita bagi merintis kejayaan perniagaan yang diusahakan. Usahawan wanita mempunyai kebolehan dalam mengendalikan perusahaan secara dinamik. Selain itu, mereka juga bijak dalam memanfaatkan perkongsian dengan rakan sealaran perniagaan. Secara tidak langsung, hal ini telah mengukuhkan jaringan perniagaan dalam kalangan usahawan wanita.

Dipetik dan diubah suai daripada  
*Berita Harian 21 Mac 2023*

**SOALAN**

1. Apakah faktor yang menyebabkan usahawan wanita melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan?
2. Mengapakah usahawan wanita turut menampilkan elemen kepimpinan yang strategik?
3. Nyatakan persediaan-persediaan untuk menceburi bidang keusahawanan.
4. Huraikan dua langkah kerajaan untuk menarik minat masyarakat menceburi bidang keusahawanan.

**TAMAT**